

PM: KEBEBASAN MENUJU

KEBAHAGIAAN ALAT

Oleh
Mohd. Sidek Salleh

IPOH 5 Mei —
Dato' Sri Dr. Ma-
hathir Mohamad
hari ini mengingat-

kan rakyat khusus-
nya golongan belia
bahawa kebebasan
bukanlah satu matla-
mat tetapi hanyalah
alat untuk menuju
kebahagiaan dan ke-
majuan.

Kata Perdana Menteri, ma-
syarakat maju kini menuju
kemunduran dan kehancuran
kerana mereka taksub dengan
prinsip kebebasan individu
dan menolak nilai-nilai buda-
ya lama mereka.

Tegasnya: "Sepertimana
kita bebas untuk meniru, kita
juga harus bebas untuk tidak
meniru dan mengekalkan
identiti kita jika dengannya
kita akan mencapai
kebahagiaan dan kehormat-
an."

Berucap merasmikan Per-
himpunan Hari Belia Negara
di Stadium Indera Mulia di
sini hari ini, Perdana Menteri
berkata, kebebasan tanpa had
yang dipuja Barat akan
membinasakan rakyat dan
menyebabkan mereka keting-
galan selama-lamanya, mun-
dur dan terhina.

Tegasnya, yang penting ia-
lah rakyat dapat mengenali
apa yang harus ditapis dan
dikikis bukan sahaja daripada
pengaruh budaya dan nilai
asing, tetapi juga daripada
budaya dan nilai asli dalam
masyarakat Malaysia.

"Seperti juga kita sedar
nilai-nilai dan budaya buruk

LIHAT MUKA 2

PM: KEBEBASAN ALAT MENUJU KEBAHAGIAAN

yang melanda masyarakat maju tidak baik bagi kita, kita juga harus kawal dan sedar bahawa ada antara budaya dan nilai-nilai asal kita yang buruk yang menyebabkan kita tidak mencapai kemajuan dahulu," katanya.

Dr. Mahathir mengingatkan, untuk maju, rakyat perlulah membendung nafsu dan mengamalkan nilai dan budaya yang mulia, yang memelihara maruah dan kehormatan bangsa.

Dalam hubungan ini, ujarnya, golongan belia perlu mengekalkan aspek-aspek nilai dan budaya lama dalam masyarakat Malaysia yang menghormati peraturan dan sekatan terhadap kebebasan pada tahap yang munasabah.

Institusi seperti keluarga dan perkahwinan perlu dihormati dan disanjung tinggi dan sifat-sifat seperti bersopan-

santun dan beradat-resam, berdisiplin dan tertib perlu dikekalkan, ujar beliau.

Dr. Mahathir berkata, penekanan yang diberikan kepada budaya dan nilai hidup yang mulia ini adalah penting kerana negara ingin mencapai kemajuan yang tinggi seperti yang dihasratkan Wawasan 2020.

Oleh itu, tegas Perdana Menteri, golongan belia hendaklah menjauhkan diri daripada diresapi budaya dan nilai hidup kebaratan yang tidak sesuai dengan kemajuan negara.

Mengikuti budaya Barat zaman ini, katanya, individu adalah raja dan bebas daripada sebarang larangan dan peraturan dan seseorang itu harus membuat apa sahaja mengikut kehendak hatinya dengan menjadikan *Do your own thing* sebagai slogan.

"Dengan tidak lagi takut kepada balasan terhadap kesalahan yang dibuat institusi perkahwinan dan keluarga diketepikan, bersekedudukan menjadi amalan biasa, anak tidak lagi kenal bapanya, amalan homoseksual diterima dan diiktiraf oleh undang-undang," katanya.

Nilai dan budaya masyarakat ini bertukar sehingga yang buruk dianggap baik dan yang baik dianggap buruk dan dengan runtuhnya cara dan nilai yang murni kemampuan mereka untuk bersaing sudah merosot dan tanda-tanda keruntuhan masyarakat sudah ternampak.

Dr. Mahathir berkata, golongan belia tidak harus menjadikan sikap dan tingkah laku Barat itu sebagai contoh kerana Malaysia sebagai sebuah negara sedang membangun ingin mencapai tahap kemajuan yang tinggi.